

**TEKS UCAPAN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN  
PROGRAM CINTAI ILMU TAHUN 2019  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
27 NOVEMBER 2019**

*Bismillahir Rahmanir Rahim*

**Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis**

Yang Berbahagia,

**Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Profesor Madya Dr. Raman Noordin**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

**Puan Vina Zahriani Yusof**

Pendaftar Universiti Malaysia Sabah

Yang Berusaha,

**Encik Zawawi Tiyunin**

Ketua Pustakawan Universiti Malaysia Sabah

**Mr Bradley Hurst**

*Counselor for Public Affairs, US Embassy KL*

Yang dihormati,

**Dekan-dekan**

**Ketua-ketua Jabatan**

**Pensyarah-pensyarah**

**Para Pelajar yang dikasihi**

**Para Tetamu Jemputan**

**Hadirin dan hadirat sekalian**

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera,***

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Jabatan Perpustakaan kerana sudi menjemput saya di Majlis Perasmian dan Penutupan Program Cintai Ilmu 2019 Universiti Malaysia Sabah. Syabas dan tahniah kepada Jabatan Perpustakaan kerana telah berjaya menganjurkan program ini. Marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya dapat kita sama-sama menyempurnakan Majlis Perasmian dan Penutupan Program Cintai Ilmu 2019 Universiti Malaysia Sabah.

Cintai Ilmu, saya pasti tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk memupuk budaya membaca dan kecintaan ilmu di kalangan warga universiti serta semua lapisan masyarakat selaras dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang bermaklumat dan berilmu menjelang tahun 2030.

Betapa hebatnya peranan kita sebagai pencinta ilmu kerana ilmu yang kita miliki pemangkin kepada generasi berwawasan, berpengetahuan, berkemahiran, berpengalaman dalam pelbagai bidang dan aspek kehidupan. Dengan penguasaan ilmu yang luas martabat kita terletak ditahap yang paling tinggi. Kita digeruni, disegani, dihormati dan menjadi pakar rujuk dalam semua perkara. Perkara yang mendasari keilmuan yang kita miliki adalah amalan budaya membaca dalam kehidupan seharian.

Justeru itu, penganjuran Program Cintai Ilmu melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti keilmuan yang dijalankan oleh Jabatan Perpustakaan dapat mencetuskan serta menggalakkan minat membaca dalam kalangan kita sebagai warga Universiti Malaysia Sabah. Minat ini sekaligus menjadi amalan harian yang seterusnya menjadi budaya dalam kehidupan kita. Membaca buku adalah jambatan ilmu yang dapat menghubungkan kita dengan alam persekitaran, masyarakat, negara serta dunia luar. Melalui pembacaan juga kita dapat membentuk satu budaya dan tradisi nilai serta

pemikiran bangsa yang kritis yang menjadi asas kuasa, kekuatan dan kemajuan negara baik dalam aspek ekonomi, sosial, politik, mahupun aspek-aspek pembangunan yang lain.

***Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,***

Sempena dengan Program Cintai Ilmu ini, saya menyeru agar semua warga Universiti Malaysia Sabah dapat menjadikan Perpustakaan sebagai gedung ilmu yang perlu diterokai dalam memantapkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

Amalan membaca perlu dijadikan suatu budaya dalam kehidupan masyarakat kita. Ini kerana budaya ilmu mampu melonjakkan pembangunan dan kemajuan dalam kehidupan masyarakat majmuk Malaysia yang berorientasikan sains dan teknologi. Budaya ini pula tidak seharusnya terbatas di sekolah, kolej atau universiti semata-mata tetapi juga patut diamalkan setiap masa dan dimana jua keberadaan kita. Tekadkan iltizam untuk membaca setiap hari. Bawalah buku ke mana jua agar dapat menyelitkan sedikit pembacaan di waktu ruangan kosong. Hal ini penting agar kita tidak menjadi "katak di bawah tempurung".

Kita perlu menimba dan menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman agar tidak ketinggalan dalam arus kemajuan dan pembangunan global. Suka saya memetik kata-kata Confucius, "Bagaimana sibuk sekalipun, anda mesti mencari masa untuk membaca, jika tidak anda akan kalah dengan jalan kejahilan yang anda pilih sendiri". Dalam agama Islam sendiri, perkataan pertama yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW oleh Allah SWT melalui Malaikat Jibril ialah perkataan IQRA' yang membawa maksud BACALAH. Ia menandakan dan membuktikan akan kepentingan ilmu pengetahuan sebagai panduan untuk manusia mendapatkan kejayaan, keselamatan, kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Insan yang berbudaya membaca merupakan manusia yang berilmu kerana ilmu pengetahuan dan maklumat membolehkan kita mempertingkatkan taraf hidup, mampu berdaya saing dan bergerak maju dalam dunia yang semakin mencabar. Melalui pembacaan juga kita akan dapat menterjemahkan tulisan yang dibaca kepada bentuk-bentuk imaginasi visual dan emosi tanpa batasan, sekaligus dapat menggalakkan sifat empati dan simpati dalam diri. Perkembangan peribadi pembaca juga akan meningkat daripada sudut intelektual, IQ, EQ, psikologi dan kognitif. Disamping dapat memperkukuhkan perbendaharaan kata dan penguasaan linguistik untuk potensi menghasilkan wacana yang lebih kreatif dan ilmiah.

Justeru itu, hadirin dan hadirat sekalian marilah kita sama-sama bertekad supaya sentiasa menanam minat suka membaca kerana amalan membaca ini merupakan salah satu proses pembelajaran yang harus berterusan sepanjang hayat seterusnya membentuk masyarakat yang intelek dan seimbang rohani, jasmani dan emosinya.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kedutaan Amerika Syarikat diatas kerjasama dalam penganjuran aktiviti-aktiviti menarik yang berlangsung sepanjang tahun ini. Juga kepada hadirin dan hadirat sekalian atas kesudian meluangkan masa untuk hadir bersama memeriahkan Majlis Perasmian dan Penutupan Program Cintai Ilmu 2019. Syabas dan tahniah kepada pihak Perpustakaan terutamanya semua jawatankuasa pelaksana yang telah berusaha dan bertungkus lumus memastikan pelaksanaan Program Cintai Ilmu 2019 ini terlaksana dengan jayanya.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim* saya dengan ini merasmikan Program Cintai Ilmu Tahun 2019 Universiti Malaysia Sabah.

Sekian, *Wabillahitaufik Wal Hidayah Wasaalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*